

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN *DEPUTY DIRECTOR* DI PEJABAT
SEKRETARIAT SEAMEO BANGKOK, THAILAND**

1. Syarat permohonan

- i. Pegawai dari Skim Perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPP) Gred 52 dan 54 yang sedang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
- ii. Mempunyai kelulusan akademik di peringkat Sarjana (Master) / Kedoktoran Pendidikan, Sains Sosial, Teknologi Pendidikan, Penyelidikan dan Ekonomi atau lain-lain bidang berkaitan;
- iii. Mempunyai pengalaman mengetuai program/ mesyuarat peringkat antarabangsa di mana-mana organisasi antarabangsa atau di agensi/ institusi;
- iv. Mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang tinggi dan berupaya membuat keputusan untuk kepentingan organisasi serta komited dengan sesuatu tugas yang diamanahkan;
- v. Bebas daripada tindakan tatatertib;
- vi. Mempunyai purata markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) untuk tiga (3) tahun terakhir adalah 85% ke atas (2018-2020);
- vii. Diperakukan oleh Ketua Jabatan;
- viii. Berumur di antara 45-50 tahun;
- ix. Mempunyai sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman dalam bidang pendidikan, sains sosial atau pengurusan;
- x. Boleh bekerja di dalam persekitaran yang berbilang budaya serta boleh berinteraksi secara efektif dengan pelbagai pihak berkepentingan (*stakeholders*) sama ada di dalam atau di luar organisasi;
- xi. Mempunyai kemahiran analitikal dan penulisan yang baik;
- xii. Mempunyai kemahiran IT yang baik; dan
- xiii. Fasih bertutur dan menulis di dalam Bahasa Inggeris.

2. Tugas dan tanggungjawab (Seperti di Lampiran C)

3. Cara memohon

- i. Permohonan hendaklah menggunakan borang permohonan yang telah disertakan; dan
- ii. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan *resume / curriculum vitae* dan salinan sijil / dokumen sokongan terjemahan dalam bahasa Inggeris yang telah disahkan dan dihantar melalui Ketua Jabatan kepada :

**Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan
Antarabangsa
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 7, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiraan Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
(u.p: Sektor Pelbagai Hala/Serantau)**

4. Temuduga

- i. Calon yang layak dan sesuai akan dipanggil untuk temuduga;
- ii. Calon yang tidak menerima sebarang panggilan surat atau email temuduga dalam masa sebulan selepas tarikh tutup iklan dianggap tidak berjaya;
- iii. Segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga adalah di bawah tanggungan calon sendiri; dan
- iv. Borang permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat tidak akan diproses.

5. Keputusan Panel Pemilihan

Keputusan Panel Pemilihan adalah muktamad.